

Di Malaysia dan Indonesia sejarah perkamusan Melayu dibuktikan bermula dengan penyusunan kamus-kamus dwibahasa terlebih dahulu disebabkan kecenderungan para sarjana Barat untuk menguasai bahasa Melayu bagi tujuan perdagangan dan penyebaran agama pada ketika itu. Di antara kamus-kamus dwibahasa utama yang terdapat di Malaysia pada hari ini ialah *Kamus Dwibahasa (Inggeris-Bahasa Melayu)* susunan Khalid M. Hussein dan rakan-rakan, *Kamus Sistem Bahasa Malaysia-Inggeris*, *Kamus Pustaka Melayu-Arab*, *Kamus Inggeris-Melayu Dewan* dan lain-lain lagi.

Penyataan Masalah

Dalam memperkatakan tentang lengkap atau tidaknya sesebuah kamus itu para pengguna selalu terkeliru dengan label-label yang digunakan pada nama-nama kamus yang pada akhir-akhir ini terbit dengan pesat sekali. Kepesatan penerbitan kamus-kamus tersebut merupakan persaingan sengit para penyusun dan para penerbit dalam usaha menyediakan perkhidmatan dalam bidang ilmu khususnya bidang bahasa melalui perkamusan. Justeru itu muncullah pelbagai istilah pada nama kamus seperti 'lengkap', 'terkini', 'mutakhir', 'serbaguna' dan sebagainya yang menunjukkan kesempurnaan sesebuah kamus tersebut.

Kebanyakan para pengguna kamus khususnya para pelajar tidak mengetahui apakah ciri-ciri atau kriteria-kriteria yang perlu ada pada sesebuah kamus yang baik. Ketebalan dan kecantikan ilustrasi kulit biasanya menjadi ukuran kepada pengguna khususnya para pelajar meskipun kamus tersebut belum tentu melengkapi ciri-ciri atau kriteria tertentu tertentu yang boleh dianggap sebagai kamus yang baik atau lengkap. Untuk tujuan tersebut, kajian menjadi satu tanggungjawab para pendidik untuk mendedahkan pengetahuan ini kepada pelajarannya dalam usaha memiliki sebuah kamus yang baik sekaligus dapat mempertingkatkan penguasaan dan pengetahuan dalam bidang bahasa khususnya bahasa Melayu.

Objektif Kajian

Penulisan ini dikemukakan dengan tujuan:

1. untuk melihat dari aspek kandungan medan maklumat yang terdapat dalam dua kamus yang dikaji iaitu *Kamus Dewan Edisi Ketiga* dan *Kamus Besar Utusan* dengan cara menganalisis secara perbandingan kategori-kategori maklumat yang terdapat di dalam kedua-dua kamus tersebut.
2. untuk mendedahkan kepada pengguna khususnya para pendidik, para pelajar dan ahli-ahli akademik tentang kepentingan maklumat yang terdapat dalam setiap kamus yang selama ini dirasakan masih ramai di kalangan mereka yang tidak terdedah kepada kepentingan maklumat-maklumat tersebut.
3. untuk memberi kefahaman kepada para pengguna tentang ciri-ciri yang perlu diketahui sebelum memiliki sesebuah kamus bagi memenuhi kehendak mereka sebagai pengguna kamus di samping dapat membantu memperkayakan pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu.

Kamus Besar Utusan

Kamus Besar Utusan merupakan sebuah kamus ekabahasa yang telah disusun oleh Haji Zainal Abidin Safarwan dan dibantu para editornya yang terdiri daripada Mokhtar Haji Razali, Zulkiflee Daud, Abdul Karim Kasman dan Faridah Shamsuddin @ Sani. Manakala Perunding Bahasa dalam penyusunan kamus ini ialah Professor Abdullah Hassan dan diterbitkan oleh Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd. pada tahun 1995. Jumlah halaman kamus ini ialah 2196 muka surat. Menurut penyusunannya, *Kamus Besar Utusan* ini pada hakikatnya adalah edisi baru kepada *Kamus Sinonim* yang telah diterbitkan pada tahun 1984. Memandangkan kata masukannya (entri) agak terbatas, maka dengan segala pembaharuan kamus ini memuatkan sebanyak 100,000 perkataan entri bagi memenuhi keperluan penggunaannya dan sekaligus kamus ini merupakan kamus yang mendahului kamus-kamus ekabahasa bahasa Melayu yang lain pada masa ini dari segi kuantiti entrinya.

Bilangan sinonim dan ungkapan serta padanan yang diberi sebagai maknanya jelas menunjukkan keserjanaan penyusunnya. Keistimewaan kamus ini terletak pada sumber perkataan entri dan maklumat yang terkandung di dalamnya. Semua perkataan yang diambil adalah terdiri daripada bahasa Melayu yang digunakan di Brunei, Indonesia, Malaysia dan Singapura yang telah dikumpulkan oleh penyusun selama 36 tahun.

Penghasilan Hasil Kajian

Analisis Kategori Maklumat Dalam Kamus Besar dan Kamus Dewan

Kategori maklumat dalam sesuatu kamus ialah istilah yang merujuk kepada maklumat yang pengguna boleh dapati daripada sesuatu kamus seperti ejaan, sebutan, makna tatabahasa, etimologi, penggunaan kata dan lain-lain yang dikira penting oleh penyusun dan berguna untuk pengguna kamus berkenaan. Edgar Dale et. Al (1971) telah menyenaraikan sebanyak 15 kategori maklumat yang perlu ada dalam sesebuah kamus iaitu *kata kepala(entri) atau entri dasa, bentuk kata, ejaan dan ucapan, jenis kata, sinonim dan antonim, konteks penggunaan kata, takrif, catatan penggunaan kata, ilustrasi penjelas takrif, penerbitan kata turunan, contoh penggunaan kata, frasa, petikan, kata asing dan rujuk silang*. Manakala bagi Lawrence Johnson (1984) dalam tulisannya yang bertajuk "*Some Foundation of Lexicography in SEA Englishes*", beliau hanya menyenaraikan 5 kategori maklumat yang harus ada dalam sesebuah kamus iaitu *ejaan, sebutan, maklumat morfologi, etimologi dan ilustrasi*.

Dalam kajian ini analisis akan dibuat secara perbandingan terhadap kedua-dua kamus tersebut yang merangkumi *ejaan, susunan kata masukan (entri), sebutan, takrif/pemerian makna, ilustrasi, nama saintifik, etimologi (asal usul kata) dan rujuk silang*.

Ejaan

Sistem ejaan ialah salah satu maklumat penting yang memberitahu pengguna tentang bagaimana sesuatu kata dalam sesuatu bahasa itu ditulis dalam bahasa tersebut. Oleh itu, kamus bukan sahaja bahan rujukan yang semata-mata untuk